PYDC

LAPORAN TAHUNAN 2023



JANUARI 2023 - DISEMBER 2023

PENANG 2030 ❤PENANG Untuk Belia Kita!

EKSKLUSIF

Sepanjang tahun 2023, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menunjukkan perkembangan yang amat positif. Pelbagai program pembangunan belia telah berjaya dilaksanakan. Program-program yang dianjurkan oleh PYDC telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan belia dan masyarakat awam. Sejajar dengan misi dan visi yang digariskan, PYDC akan terus berusaha untuk membangunkan golongan belia yang dikasihi dengan mengadakan pelbagai inisiatif yang berinovasi dan kreatif. Menjelang tahun 2024, PYDC kekal gigih dan bersedia untuk terus menjana nilai-nilai tambah untuk lebih ramai lagi belia melalui pelbagai inisiatif.

VISI

KE ARAH BELIA YANG BERINTEGRITI, BERKEBOLEHPASARAN DAN BERDAYA SAING

MISI

UNTUK MENDIDIK, MEMBANGUN DAN MEMPERKASAKAN BELIA KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK.

CARTA ORGANISASI



DR GWEE SAI LING
Pengurus Besar



SYLVIA RUTH
Pegawai Pereka Grafik
- Komunikasi | Kerja Grafik



SITI NOORAINI
Pegawai Pentadbir
- Pentadbiran



SAMANTHA TANG MUN CHEE
Pegawai Perhubungan Kanan
- Pemerkasaan Pertubuhan Belia
- Pembangunan Keusahawanan Belia



LIM YI ZHE
Pegawai Perhubungan Kanan
- Sidang Muda
- Kesedaran Sivik
- Jawatankuasa Belia Pulau Pinang



ONG CHING SHI
Pegawai Perhubungan
- Sukarelawan Belia Pulau Pinang
- Belia Berirama



WAZIR BAKRI
Pegawai Perhubungan
- Pemerkasaan Belia Luar Bandar



AFIQ RAZAK
Pegawai Perhubungan
- Pusat Belia
- Pemerkasaan Belia Luar Bandar



SHAFINAZ RAFIQ
Pegawai Perhubungan
- Pemerkasaan Mahasiswa Anak Pulau Pinang
- Belia Berirama



VIVIAN CHAN
Pegawai Perhubungan
- Skim Best Anak Penang
- Pembangunan Keusahawanan Belia



MOHAMMAD AZHARI
Penolong Pegawai Perhubungan
- E-Sukan
- Jawatankuasa Belia Pulau Pinang

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

Portal Kerjaya Belia: We Want You	4
Persediaan Kerjaya Untuk Belia	5
Bengkel Penerokaan Kerjaya	6
Pertandingan Keusahawanan Belia	7
Kisah Usahawan Belia	9
Bakat Digital Muda Pulau Pinang	10
Kerjasama Awam - Swasta	11
Persidangan Belia Antarabangsa	12
Sukarelawan Belia Pulau Pinang	13
Sidang Muda	18
Kempen Undi18	21
Kesedaran Sivik	22
Pusat Belia	23
Belia Berirama	24
Bakat Drama Pemuda	27
Sudut Pandangan Lensa	28
Kanvas Kosong	29
Seni Bergerak	30
E-Sukan	31
“Best! Anak Penang” Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP)	32
Jawatankuasa Belia Pulau Pinang	33
Kesimpulan	35



PORTAL KERJAYA BELIA : WE WANT YOU



"We Want You" merupakan satu portal kerjaya yang diperkenalkan pada tahun 2020 dengan tujuan membantu menampung permintaan bakat daripada majikan dan mengurangkan kadar pengangguran golongan belia di Pulau Pinang.

PYDC mengambil pelbagai inisiatif untuk mempromosikan portal kerjaya "We Want You" dengan menghadiri pameran kerjaya untuk menarik lebih banyak majikan agar peluang pekerjaan untuk diiklankan di dalam portal tersebut secara percuma. Pada masa yang sama, PYDC juga mengambil inisiatif yang gigih untuk menjankau ke golognan belia.

OBJEKTIF :

- Mengurangkan jurang kadar pengangguran golongan belia di Pulau Pinang.
- Membantu golongan belia mencari pekerjaan yang bersesuaian.
- Membantu para majikan memadankan belia-belia yang berpotensi untuk mengisi kekosongan yang terbuka.

PENCAPAIAN PORTAL: WE WANT YOU

612	SYARIKAT
2,524	PELUANG PEKERJAAN
4,643	PENGGUNA INDIVIDU
4,955	PERMOHONAN PEKERJAAN

2,676

PENYERTAAN BELIA

KARNIVAL KERJAYA YANG TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN DAN DISERTAI TERMASUK:

- **Karnival Kerjaya & TVET Daerah Kuala Kangsar**
  11.02.2023 - 128 peserta
- **Karnival Kerjaya PERKESO CMart Nibong Tebal**
  11.03.2023 - 73 peserta
- **Karnival Kerjaya USM Kampus Kejuruteraan**
  12&13.04.2023 - 371 peserta
- **Karnival Kerjaya Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology Cawangan Pulau Pinang**
  19&20.04.2023 - 32 peserta
- **Pameran Kerjaya PERKESO Pulau Pinang**
  21.05.2023 - 413 peserta
- **Karnival Kerjaya MYFuture Jobs Negeri Pulau Pinang**
  04.06.2023 - 396 peserta
- **SENTRAL College Career Fair**
  07.06.2023 - 74 peserta
- **Karnival Keusahawanan & Kerjaya Pulau Pinang 2023 (3KPP23): Ekspo Kerjaya & Pendidikan (EKSPEN)**
  16&17.06.2023 - 461 peserta
- **Karnival Kerjaya dengan kerjasama KADUN Perai dan Perkeso Pulau Pinang di Juru Autocity (Concept Hall)**
  18.06.2023 - 294 peserta
- **Communication Day and Career Fair at Han Chiang University College of Communication**
  24.06.2023 - 161 peserta
- **MITI Day 2023**
  12.07.2023 - 273 peserta



PERSEDIAAN KERJAYA UNTUK BELIA (CAREER READINESS)

Salah satu fokus PYDC dalam pemerkasaan golongan belia menerusi usaha mempersiapkan golongan belia untuk dunia kerjaya. Pakar dan profesional dari sektor industri untuk topik teknik 'grooming and branding', tips temuduga, teknik menulis resume dan kepimpinan telah dijemput. Program-program yang dianjurkan termasuk seminar, webinar, dan juga bengkel.

- **Career Readiness Workshop dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM): Effective Resume Writing And Interview Skills**
  12.01.2023 - 201 peserta

- **Career Readiness Workshop dengan kerjasama Han Chiang University College of Communication: Employer Expectations, Resume Writing & Interview Skills**
  03.02.2023 - 87 peserta

- **Career Readiness Workshop dengan kerjasama Kolej Vokasional Batu Lanchang: Resume Writing and Image Branding for Great Employability**
  14.03.2023 - 128 peserta





416

PENYERTAAN BELIA



OBJEKTIF :

- Memberi pendedahan kepada golongan belia tentang jangkaan industri dan persiapan yang harus dilakukan untuk dunia pekerjaan pada masa akan datang.
- Mempersiapkan golongan belia dengan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan di dunia kerjaya.
- Memberi peluang kepada golongan belia untuk mengenali dan berhubung dengan pakar dan mentor yang bersama PYDC untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka.

BENGKEL PENEROKAAN KERJAYA (CAREER DISCOVERY)

- **Career Discovery 1.0 di SMKA (L) Al-Mashoor (Aliran Sains)**
  12.04.2023 - 96 peserta
- **Career Discovery 2.0 di Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin**
  03.05.2023 - 130 peserta
- **Career Discovery 3.0 di SMK Kampong Kastam**
  09.05.2023 - 29 peserta
- **Career Discovery 4.0 di SMKA (L) Al-Mashoor (Aliran Perakaunan)**
  24.05.2023 - 30 peserta
- **Career Discovery 5.0 di SMK Dato Onn Butterworth (Aliran Sains)**
  07.06.2023 - 73 peserta
- **Career Discovery 6.0 di SMK Tun Hussein Onn**
  08.06.2023 - 125 peserta
- **Career Discovery 7.0 di SMK Berapit (Aliran Sains)**
  12.06.2023 - 41 peserta
- **CAREER DISCOVERY 8.0 di SMK Berapit (Aliran Perakaunan)**
  13.06.2023 - 73 peserta
- **Career Discovery 9.0 di SMK Dato Onn Butterworth (Aliran Perakaunan)**
  14.06.2023 - 89 peserta
- **Program Mendalami Kerjaya Influencer**
  12.07.2023 - 375 peserta
- **Career Discovery 10.0 di SMK Prai**
  31.07.2023 - 47 peserta
- **Career Discovery 11.0 di SMK Telok Air Tawar**
  25&26.09.2023 - 52 peserta
- **Career Discovery 12.0 di SMK St. Mark**
  25&26.09.2023 - 30 peserta
- **Career Discovery 13.0 di SMJK Sacred Heart**
  13.10.2023 - 96 peserta

PYDC berhasrat untuk merancakkan lagi program persediaan kerjaya bagi golongan belia untuk tahun ini. Program-program Bengkel Penerokaan Kerjaya (Career Discovery) dianjurkan sebagai usaha berterusan PYDC untuk membawa pakar pendidikan dan pemain industri ke sekolah-sekolah menengah di Pulau Pinang untuk berkongsi dengan pelajar tentang laluan kerjaya yang pelajar boleh ceburi pada masa hadapan.

HASIL :

Program ini memberikan peluang kepada pelajar tingkatan 3 hingga 6 untuk mendapatkan pengalaman langsung dari pakar-pakar berpengalaman dalam pelbagai bidang. Program ini juga memberikan mereka gambaran yang lebih jelas tentang dunia pekerjaan dan membuat keputusan kerjaya yang lebih sesuai untuk mereka pada masa hadapan.

"Terima kasih banyak-banyak PYDC untuk mengadakan program penerokkan kerjaya ini yang telah memberi peluang kepada murid-murid unutk mengenali bidang kulinari dengan lebih lanjut. Diharap jalinan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa akan datang." - En Nazrul, Kaunselor SMK Teluk Air Tawar

1,286

PENYERTAAN BELIA







PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BELIA (YOUTH ENTREPRENEURSHIP CHALLENGE)

Pertandingan Keusahawanan Belia atau "Youth Entrepreneurship Challenge" (YEC) merupakan satu acara tahunan oleh PYDC sejak tahun 2020. Daripada program YEC, para peserta yang terdiri daripada golongan belia dapat mengikuti bengkel dan seminar yang memberi tunjuk ajar dan nasihat tentang keusahawanan termasuk dari aspek undang-undang, pembangunan kapasiti urusan perniagaan, dan juga forum bersama usahawan terkemuka.

Kemuncak untuk program YEC ialah pertandingan akhir pembentangan idea perniagaan oleh 10 pasukan finalis teratas yang dipilih di depan barisan pena juri dan mungkin juga termasuk pelabur yang berpotensi Idea pemenang YEC berpeluang dilanjutkan lagi menerusi platform seterusnya, misalnya dijemput untuk menyertai pameran perniagaan.





RANGKA MASA YEC:

- **Sidang Media dan Pelancaran YEC 4.0**
  23.03.2023

- **Pemenang YEC 2021-2023 ke 7th Global Cross-border E-Commerce EXPO 2023, China**
  10.05.2023

- **Bengkel Persediaan #1 | Business Model Canvas & Structure oleh Dr. Muhammad Imran (INKSEN)**
  10.06.2023

- **Bengkel Persediaan #2 | 10 Essential Marketing Tools For Entrepreneurs Oleh Encik Bob Lay**
  17.06.2023

- **Bengkel Persediaan #3 | Mastering Financial Management For Your Business oleh Dr. Nasrullah Ghazaly**
  24.06.2023

- **Bengkel Persediaan #4 | From Ideas to Assets: Mastering Entrepreneurship and Intellectual Property oleh Encik Vincent Lim**
  25.06.2023

- **Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) Forum 2023**
  02.09.2023

- **Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) National Level Finale 2023**
  07.10.2023



PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BELIA (YOUTH ENTREPRENEURSHIP CHALLENGE)



HASIL :

- Program ini telah berjaya menyediakan satu platform khususnya kepada belia-belia yang berimpian untuk menunjukkan idea perniagaan mereka kepada para juri dan pelabur-pelabur yang berpotensi.

- Program ini berjaya menyuntik semangat keusahawanan dalam kalangan belia secara am kerana memberi pendedahan tentang bidang keusahawanan menerusi bengkel yang disediakan serta memberi inspirasi bagi golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan.

- Program ini telah menerima liputan dalam portal media dan institusi pendidikan tinggi, media sosial dan media-media lain yang memberi liputan termasuk The Vibes, PocketNews, dan Buletin Mutiara. Ini turut memberikan galakan yang amat positif dalam memperkasakan semangat belia kita ke arah keusahawanan.

767

PENYERTAAN SECARA KESELURUHAN







KISAH USAHAWAN BELIA (TALES OF ENTREPRENEURS)

"Kisah Usahawan Belia" merupakan satu inisiatif daripada PYDC untuk menyokong perniagaan-perniagaan yang dimiliki belia di Pulau Pinang.

Inisiatif ini merupakan satu platform di mana PYDC menghimpunkan usahawan muda yang berumur antara 15 dan 35 tahun untuk mempromosikan perniagaan mereka. Kami menyediakan platform untuk memaparkan kisah kejayaan mereka agar memberi inspirasi kepada golongan belia kita.

10 **KISAH USAHAWAN BELIA DIMANFAATKAN**

- **Arechumiezan Enterprise**
  13.01.2023 (F&B)
- **Syearafizcatz Cat Hotel & Spa**
  28.01.2023 (Perkhidmatan)
- **Jonnis Pasta, Di Seaview QQ Foodcourt**
  10.02.2023 (F&B)
- **Masverse Sdn Bhd**
  10.03.2023 (Pemasaran Digital)
- **Arus Academy**
  14.04.2023 (Pendidikan)
- **ROKU The Taco Bar**
  12.05.2023 (F&B)
- **Artelingo**
  26.05.2023 (Pendidikan)
- **Horizon Visual Works**
  09.06.2023 (Media)
- **Sip 'N' Slick Barbershop**
  08.09.2023 (Perkhidmatan)
- **PETION**
  20.10.2023 (Fesyen)







HASIL :

- Menjana motivasi antara golongan belia daripada perkongisan usahawan muda berjaya agar mendorong keterlibatan belia dalam bidang keusahawanan.
- Meningkatkan kesedaran awam tentang perniagaan yang diusahakan serta mempromosikan perniagaan ushawan belia secara langsung melalui perkongsian di media sosial PYDC
- membuka ruang usahawan belia untuk terlibat dalam program-program pemerkasaan yang dianjurkan oleh PYDC , agensi kerajaan yang lain serta rakan-rakan industri.



BAKAT DIGITAL MUDA PULAU PINANG (PENANG YOUNG DIGITAL TALENTS)

"Bakat Digital Muda Pulau Pinang" (Penang Young Digital Talents atau PYDT) merupakan satu inisiatif daripada PYDC untuk mempromosikan kemahiran dan bakat digital dalam kalangan belia di samping untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah hub untuk bakat-bakat digital. Antara program yang dianjurkan bawah inisiatif PYDT ialah bengkel pembangunan kemahiran digital, pertandingan dan juga lawatan ke agensi dalam sektor digital.

Pertandingan Penciptaan Laman Web Perniagaan Kolej Vokasional Malaysia

19.01.2023
379 Peserta

Penang Young Digital Talent Award Ceremony 2.0 & Game Development Competition Grand Finale

25.02.2023
171 Peserta

Tertiary Education on IR 4.0 Study Camp to APU

16-18.03.2023
27 Peserta

2 Day - Web Development Workshop

15-16.07.2023
55 Peserta

Web Business Accelerator Program - WBA


4,5,6,8,9,10,11.08.2023
84 Peserta

PYDT: Let's Explore Augmented Reality Workshop

09,10,16.09.2023
356 Peserta







1,072

PENYERTAAN BELIA

HASIL :

- Program-program ini dapat dijadikan platform kepada golongan belia dalam mengembangkan kemahiran diri daripada aspek kemahiran digital dan terdedah kepada dunia digital.
- Mendorong peningkatan kreativiti belia dalam bidang digital khususnya melalui seminar, bengkel dan mentorship serta meningkatkan nilai komersial dalam penciptaan platform digital seperti penciptaan laman web, penciptaan permainan video dan penciptaan laman Augmented Reality.

KERJASAMA AWAM - SWASTA

"DEVELOP WITH DELL"

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan kerjasama Dell Technologies telah melancarkan program "Develop with Dell" pada bulan Ogos 2023. Program "Develop with Dell" selama 3 bulan ini bertujuan untuk memperkasakan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi di Pulau Pinang dengan bidang IT, digital dan IR4.0, seperti teknologi pelanggan, asas perusahaan dan kesediaan kerjaya. Peserta akan mendapat akses kepada kurikulum khas berdasarkan modul latihan komprehensif yang telah dibangunkan oleh Dell selama ini untuk rakan kongsi dan pelanggannya. Setelah tamat program, mereka akan menerima sijil daripada Dell Education Services dan PYDC. Bermula dari Oktober 2023, peserta program "Membangun dengan Dell" akan menyertai sesi latihan selama 10–12 minggu di Pusat Latihan Perkhidmatan Pendidikan Dell. PYDC mengucapkan terima kasih kepada Dell Technologies atas kerjasama yang luar biasa ini. Bersama-sama kita membangunkan belia kita.







29 **PESERTA**





HASIL :

Program ini telah berjaya meningkatkan pengetahuan peserta dalam bidang teknologi yang relevan dengan produk dan perkhidmatan Dell. Selain itu, peserta program ini akan diberikan keutamaan dalam proses pengambilan pekerjaan jika mereka berminat untuk membina kerjaya dengan Dell. Antara jawatan yang tersedia ada adalah 4 kekosongan latihan industri, 4 jawatan tetap dan 1 intern graduan sarjana.

- **Launching of "Develop with Dell" between DELL and PYDC**
  17.08.2023
- **Session 1**
  1st cohort: 2-6.10.2023 | 13 Peserta
  2nd cohort: 9-13.10.2023 | 16 Peserta
- **Session 2**
  1st cohort: 27.11.2023-1.12.2023
  2nd cohort: 4-8.12.2023

PERSIDANGAN BELIA ANTARABANGSA (INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE)

HASIL :

- Menyediakan platform untuk pemuda menyuarakan pendapat, berkongsi pengalaman dan menyumbang kepada proses membuat keputusan.
- Berinteraksi dengan belia dari negara dan latar belakang yang berbeza yang menggalakkan pemahaman silang budaya dan toleransi.
- Memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran tentang isu global yang mendesak dan memberi peluang kepada belia untuk menjadi agen pengubah dalam komuniti.





Konferens Belia Antarabangsa (International Youth Conference) merupakan salah satu acara perdana tahunan daripada PYDC sebagai satu platform untuk golongan belia tempatan dan antarabangsa untuk membentangkan hasil kajian mereka dan menjalin hubungan untuk kerjasama pada masa hadapan. Belia yang membentangkan hasil kajian mereka juga berpeluang untuk menerbitkan kertas kajian mereka dalam jurnal akademik.

Pada tahun 2023, acara Persidangan Belia Antarabangsa Ketiga 2023 telah dilaksanakan dengan kerjasama pihak institusi pengajian tinggi dan juga belia dari Malaysia dan dari luar negara. Tema yang dipilih untuk tahun ini ialah "Pemerkasaan Peranan Belia Ke Arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)".

8

NEGARA

400

PESERTA





SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG (PENANG YOUTH VOLUNTEER)

Sukarelawan Belia Pulau Pinang dilancarkan pada 1 Mac 2020 oleh PYDC di bawah MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang.


Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercita-cita tinggi untuk mewujudkan satu masyarakat yang progresif melalui pembangunan golongan belia selaras dengan visi Penang2030 Tema C2 yang menekankan peningkatan penyertaan belia, wanita dan senior dalam masyarakat. Justeru, PYDC mengalu-alukan penyertaan aktif belia dalam inisiatif ini.

6,456


JUMLAH SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG SETAKAT DISEMBER 2023




JANTINA :



KAUM :



KADAR PENINGKATAN JUMLAH SUKARELAWAN BELIA TAHUN 2020/23



PENGLIBATAN SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG



	BIL PROGRAM	JUMLAH PENYERTAAN
2023	59	1594
2022	54	1552
2021	24	479
2020	7	125

SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG (PENANG YOUTH VOLUNTEER)

JANUARI 2023





- **Program Plogging Bersama PERDASAMA di Pulau Gazumbo**
  21.01.2023 (32 sukarelawan)
- **Majlis Rumah Terbuka Ketua Menteri Pulau Pinang Sempena Tahun Baru Cina 2023**
  23.01.2023 (sukarelawan)
- **Program Komuniti di Pusat Penjagaan Ceria**
  28.01.2023 (20 sukarelawan)
- **Karnival Miao Hui**
  28.01.2023 (70 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library** (37 sukarelawan)

FEBRUARI 2023





- **Piala Harapan**
  1,2,4.02.2023 (50 sukarelawan)
- **Sambutan Chap Goh Mei KADUN Bagan Jermal**
  4&5.02.2023 (28 sukarelawan)
- **Kempen Pengasingan Sisa di Penang Thaipusam**
  5.02.2023 (5 sukarelawan)
- **Projek Sayangi Pantai Kita Bersama Kolej Vokasional Seberang Perai**
  11.02.2023 (30 sukarelawan)
- **Perlawanan Persahabatan Penang FC Vs N.Sembilan FC**
  11.02.2023 (12 sukarelawan)
- **Penang Indian Food Fiesta**
  18.02.2023 (37 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library**
  (40 sukarelawan)

MAC 2023





- **Liga Super Malaysia**
  1,12&31.03.2023 (53 sukarelawan)
- **Haria Zumba Mega Sempena Hari Wanita Sedunia 2023**
  11.03.2023(26 sukarelawan)
- **Piala MFL**
  14.03.2023 (8 sukarelawan)
- **Northern Music Festival**
  18.03.2023 (15 sukarelawan)
- **We Care You Education Fair 2023**
  (13 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library**
  (31 sukarelawan)

APRIL 2023





- **Jom Berbuka Puasa bersama Boboiboy @Karnival Ramadhan Sg Pinang**
  1.04.2023 (15 sukarelawan)
- **Piala MFL**
  2&16.042023 (11 sukarelawan)
- **Pembuatan Kuih Raya kepada Komuniti**
  5&6.04.2023 (50 sukarelawan)
- **Liga Super Malaysia**
  9,18&27.04.2023 (75 sukarelawan)
- **Songkran Festival**
  15.04.2023 (14 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library**
  (23 sukarelawan)

SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG (PENANG YOUTH VOLUNTEER)

MEI 2023

- **Love Penang Run Goodies Collection**
  13.05.2023 (35 sukarelawan)
- **Mothers Day Blank Canvas**
  13&14.05.2023 (13 sukarelawan)
- **Majlis Apresiasi Sukarelawan Belia Pulau Pinang 2023**
  19.05.2023 (154 sukarelawan)
- **Piala MFL**
  21.05.2023 (8 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library**
  (21 sukarelawan)





JUN 2023

- **Love Penang Youth Night Concert**
  3.06.2023 (sukarelawan)
- **Liga Super Malaysia**
  3&8.06.2023 (50 sukarelawan)
- **Majlis Rumah Terbuka Vasakhi**
  4.06.2023 (17 sukarelawan)
- **Majlis Ulang Tahun Penang Football Club**
  9.06.2023 (4 sukarelawan)
- **Piala MFL**
  10.06.2023 (12 sukarelawan)
- **Projek Seni Mural Woodhaven Park (Fasa 1)**
  10&11.06.2023 (33 sukarelawan)
- **Sesi Santai Belia Bersama Ketua Menteri Pulau Pinang**
  18.06.2023 (39 sukarelawan)
- **Penang International Halal EXPO & Conference**
  23-25.06.2023 (8 sukarelawan)
- **Pengambilan Sukarelawan Belia untuk bertugas di Penang Digital Library hingga Ogos**
  (47 sukarelawan)





JULAI 2023

- **Piala MFL**
  4&17.07.2023 (7 sukarelawan)
- **Liga Super Malaysia**
  8&30.07.2023 (30 sukarelawan)





OGOS 2023

- **Piala Malaysia**
  3.08.2023 (16 sukarelawan)
- **Latihan Asas Kebakaran & Keselamatan**
  19.08.2023 (30 sukarelawan)
- **Liga Super Malaysia**
  22.08.023 (15 sukarelawan)





SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG (PENANG YOUTH VOLUNTEER)

SEPTEMBER 2023





- **Let's Clean It Up**
  9&10.09.2023 (64 sukarelawan)
- **MFL Challenge Cup**
  19.09.2023 (15 sukarelawan)
- **Program Festival Teater Tradisional Utara @Georgetown**
  29 September hingga 1 Oktober 2023 (8 sukarelawan)

OKTOBER 2023



- **Kursus Asas Bahasa Isyarat Malaysia sempena The Colourful Run**
  1.10.2023 (30 sukarelawan)
- **The Colourful Run**
  8.10.2023 (36 sukarelawan)
- **MFL Challenge Cup**
  21.10.2023 (14 sukarelawan)

NOVEMBER 2023



- **Beyond Contemporary Art Penang**
  9-12.11.2023 (18 sukarelawan)
- **Liga Super Malaysia**
  26.11.2023 (12 sukarelawan)

DISEMBER 2023





- **Kem Kepimpinan Dan Jati Diri Sukarelawan Belia Pulau Pinang**
  1-3.12.2023 (81 sukarelawan)
- **Kempen CPR & AED 2023 dengan penyertaan seramai 700 orang peserta**
  10.12.2023 (20 sukarelawan)

SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG (PENANG YOUTH VOLUNTEER)

KATA-KATA DARI SUKARELAWAN

As we know, 'IF YOU WANT TO GO FAST, GO ALONE; IF YOU WANT TO GO FAR, GO TOGETHER' ♥ My passion for community service is beyond words, BUT, alone I couldn't have done as much 🙌 With the existence of PYV, we have been able to serve the people better 🥰

Being a volunteer isn't just about volunteering 🧑 There's always something new to be learned from each project/activity.

Be it learning to peel a prawn (to cook bubur lambuk at the mosque), obtaining more accurate information about COVID-19 (by calling and assisting those in need during MCO), or helping with water supply distribution, I ENJOYED EVERY SINGLE MOMENT OF CONTRIBUTING 💘

For me, PYV is a journey of self-discovery ✨ Join us now for self-development! 👩‍🦰

KHOR KAI SHIN

1. When different races people work together as a group, our communication skills is improved.
2. A lot of new experiences are gained while working as a team
3. We can improve our leadership skills when we act as volunteers.
4. Comments/suggestion/ feedback can be recorded without any fear.

ANNBARASI A/P RAJALINGAM

My name is Naim,

KESAN
Saya seorang yang pendiam dan tidak ramai kawan tetapi semasa saya menyertai PYV ini saya menjadi semakin mesra dan sangat suka berkomunikasi dengan ramai orang tidak kira peringkat umur.

PERASAAN
Perasaan saya selepas menyertai PYV ini sangat menyeronokkan yang tak dapat digambarkan. Setiap kali saya menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak PYDC, ia sangat memberi impak yang besar kepada diri saya tentang aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan selain hanya berada di rumah sahaja.

NAIM FIRDAUS

My POV after join in Penang Volunteer Team.

1. I feel a sense of fulfillment and purpose as i contribute to meaningful causes, knowing that my efforts directly benefit others in need.

2. Being part of a team dedicated to making a difference can instill a sense of camaraderie and belonging, as i work alongside like-minded individuals united by a common goal.

3. Additionally, volunteering often provides opportunities for personal growth and skill development, as i learn new things, overcome challenges, and gain valuable experiences that can shape my perspective and shape my future endeavors.

4. Overall, the impact of joining a volunteer team can extend far beyond the immediate tasks at hand, leaving a lasting impression on both the individuals i serve and on my own life journey.

LAILATUL NAZIRAH






SIDANG MUDA


Sidang Muda merupakan program perdana tahunan anjuran PYDC yang menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia. Sidang Muda berhasrat untuk membentuk golongan muda Malaysia yang lebih aktif dalam politik dan peka terhadap hal ehwal pentadbiran negara.

Sidang Muda merangkumi "Bengkel Demokrat Muda", di mana peserta dikehendaki menghadiri Bengkel Demokrat Muda sebelum dipilih untuk menjadi Ahli Sidang Muda. Bengkel interaktif ini bertujuan untuk melengkapkan para belia dengan konsep dan idea teras politik dan demokrasi, "Persidangan Sidang Muda", pentas bagi Ahli Sidang Muda untuk membahas dan berkongsi idea di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akhirnya "Projek Penempatan Ahli Sidang Muda" akan diatur untuk memberi pendedahan kepada Ahli Sidang Muda mengenai proses demokrasi yang lagi lanjut dan langsung serta meningkatkan penyertaan sosial belia dalam masyarakat.

BENGKEL PERSEDIAAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA 1.0

TAKLIMAT PERSIDANGAN SIDANG MUDA

26.01.2023



23 PENYERTAAN BELIA

BENGKEL PERSEDIAAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2.0

SESI PERKONGSIAN OLEH

DATO' DR. OOI KEE BENG

09.02.2023



35 PENYERTAAN BELIA

BENGKEL PERSEDIAAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA 3.0

SESI PERKONGSIAN ADUN & SIMULASI PERSIDANGAN

25.02.2023



20 PENYERTAAN BELIA

LAWATAN KE PARLIMEN DAN AGENSI KERAJAAN SELANGOR

27&28.02.2023



32 PENYERTAAN BELIA

SIDANG MUDA











40

JUMLAH AHLI SIDANG MUDA SECARA KESELURUHAN

85.7% SANGAT MEMUASKAN

15.4% MEMUASKAN

SIDANG MUDA 2023

11.03.2023

YB Dato' Law Choo Kiang berperanan sebagai Speaker Dewan untuk mempengerusikan Persidangan Sidang Muda 2023. Persidangan tersebut telah mencerminkan perjalanan persidangan serupa dengan persidangan DUN yang sebenar supaya Ahli Sidang Muda dapat mengalami proses pembuatan keputusan di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik. Persidangan dihadiri seramai 40 Ahli Sidang Muda, yang terdiri daripada 11 orang EXCO, 7 orang Pembangkang, dan 22 orang Backbencher.

Ahli-ahli Sidang Muda yang dipilih diberi peluang untuk berbahas dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang mengikut usul-usul yang telah diutarakan. Ahli-ahli yang dipilih juga dapat merasai pengalaman berbahas dalam dewan perundangan sekali gus memberikan mereka idea tentang mekanisme penghasilan undang-undang menerusi simulasi ini.

Dalam Sesi Perbahasan Usul, Ahli Sidang Muda telah mengemukakan beberapa cadangan usul kepada Speaker Dewan Undangan Negeri untuk penentuan usul yang akan dibahas. Ahkirnya, terdapat 2 usul telah dipilih oleh beliau untuk Sesi Perbahasan Usul. Antaranya adalah:

i. "Dewan ini Mencadangkan Pindaan Enakmen Pengiditalan Perkhidmatan Awam"
   - oleh Nicholas Tan Check Foong selaku Ahli Sidang Muda kawasan Sunga Acheh

ii. "Dewan ini Mencadangkan Enakmen Peruntukan Saksama Ahli Dewan Undangan Negeri"
   - oleh Tang Yi Ze selaku Ahli Sidang Muda kawasan Bukit Tambun

Kedua-dua usul yang dibahas telah menerima sokongan majoriti. Semua cadangan usul serta teks ucapan telah dikumpulkan dan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan sebagai cadangan dan rujukan lanjut.

"Secara keseluruhan, maklum balas yang diterima adalah amat positif serta mereka menantikan sesi yang akan datang"

"Program ini amat berharga kerana membolehkan saya mempelajari politik, terutamanya ketika saya tidak memiliki pengetahuan yang sama sekali dalam bidang ini."

SIDANG MUDA

MAJLIS PELANCARAN BUKU SIDANG MUDA 2022 & 2023
20.12.2023

Satu terbitan yang mendokumentasikan proses perjalanan Sidang Muda 2022 & 2023 telah berjaya dihasilkan dan dilancarkan. Ini merupakan terbitan kedua bagi program Sidang Muda.







MUAT TURUN TERBITAN SIDANG MUDA 2022 & 2023 DI SINI!

SIDANG MUDA
PULAU PINANG

PAMERAN SIDANG MUDA
20-31.12.2023

Satu pameran sempena pelancaran buku 'Sidang Muda 2022 & 2023' telah dianjurkan di Ruang Kongsi Coex untuk mempamerkan bahan persidangan Sidang Muda serta terbitan-terbitan Sidang Muda.

Galeri ini dibuka untuk orang awam bagi penerokaan lanjut tentang inisiatif Sidang Muda serta idea-idea belia melalui pameran khas yang dianjurkan ini.





KEMPEN UNDI 18

Usaha PYDC atas kesedaran mengundi di golongna muda terutama mereka yang merupakan pengundi pertama kali turut digiatkan dan promosi Kempen Undi18 tetap diteruskan apabila menjelang Pilihan Raya Negeri 2023 yang telah ditetapkan pada 12 Ogos 2023. PYDC mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh dalam memperkenalkan pengetahuan demokrasi dan pendedahan proses mengundi dan pengiraan undi untuk golongan belia. Jumlah pengundi yang mengundi di Pulau Pinang telah meningkat dari 800,158 orang semasa Pilihan Raya Umum ke-14 kepada 889,854 orang semasa Pilihan Raya Negeri 2023.



SESI SIMULASI PENGUNDIAN DI SENTRAL COLLEGE PENANG


31.03.2023




SESI SIMULASI DI SENTRAL COLLEGE PENANG

28.07.2023































CAPAIAN POST (FB) : 13,000+
CAPAIAN POST (IG) : 13,000+

32 INFOGRAFIK

TELAH DIHASILKAN UNTUK PENGETAHUAN PILIHAN RAYA

KESEDARAN SIVIK (CIVIC AWARENESS)



- **Bengkel Bangsa Malaysia**
  15 & 16.04.2023 - 90 Belia
- **What's Up Youth #1: "Likes to Life Lessons" featuring Cahaya Icha**
  16.04.2023 - 21 Belia
- **What's Up Youth #2: "From Nothing To Something" featuring Frank Ee**
  29.04.2023 - 31 Belia
- **"What Makes A Good MP?" Workshop**
  06.05.2023 - 16 Belia
- **What's Up Youth #3: Penang's Future: Dead Town or Thriving State?**
  10.05.2023 - 29 Belia
- **What's Up Youth #4: Malaysia MADANI: Apakah Manfaatnya Kepada Orang Muda?**
  21.05.2023 - 33 Belia
- **Santai Belia Bersama Ketua Menteri**
  18.06.2023 - 558 Belia
- **Malaysia-China Youth Exchange Forum 2023**
  08.07.2023 - 53 Belia
- **Bengkel Bangsa Malaysia**
  30.07.2023 - 25 Belia
- **Hand-In-Hand Workshop**
  05.08.2023 - 28 Belia
- **Let's Talk: An Interfaith Dialogue | Youth Opinion on Representations of Inter-Religion Interaction in the Media**
  16.09.2023 - 30 Belia








914 **JUMLAH PESERTA**

HASIL :

- Program di bawah inisiatif Kesedaran Sivik telah memberi hujahan alternatif terhadap isu semasa dan sosial di golongan belia
- Pemerkasaan dan penglibatan belia melalui penyediaan saluran dan platform sebegini untuk belia bersuara secara dua hala.
- Pendedahan lanjut mengenai topik di luar silibus akademik daripada pakar NGO dan pertubuhan sivil.

PUSAT BELIA (YOUTH CENTER)

MAJLIS PERASMIAN PUSAT BELIA TAHUN 2023



11 JUMLAH PUSAT BELIA

4 JUMLAH PROGRAM YANG DIANJURKAN DI PUSAT BELIA

79 JUMLAH PESERTA

PUSAT BELIA MACHANG BUBUK - 12.04.2023
PUSAT BELIA SUNGAI PUYU - 16.04.2023
PUSAT BELIA KOMTAR - 14.06.2023



PUSAT BELIA MACHANG BUBUK



PUSAT BELIA SUNGAI PUYU



PUSAT BELIA KOMTAR

Pusat Belia merupakan satu inisiatif daripada PYDC untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu Pusat Belia sebagai pusat fasiliti bagi golongan belia menggiatkan aktiviti di setiap KADUN di Pulau Pinang. Terdapat pelbagai pertubuhan termasuk JBPP, NGO, dan PYDC, yang melaksanakan pelbagai aktiviti dan projek di Pusat Belia termasuklah aktiviti sukan, bengkel pemantapan kemahiran dan pendidikan, pengukuhan STEM, program-program kemasyarakatan, dsb.







- **Basic Animation (Stop-Motion) Workshop at Pusat Belia Seberang Jaya**
  18.02.2023 - 14 Peserta
- **Sambutan Web3 Basic Course by Masverse**
  29.05.2023 - 25 Belia
- **Pusat Belia x Blank Canvas | Acrylic Painting Workshop**
  23.09.2023 - 30 Belia
- **Excel Hackathon Pusat Belia Bertam**
  21.03.2023, 28.10.2023, 4.11.2023, 11.11.2023 - 10 Belia

HASIL :

- Program yang dijalankan di Pusat Belia telah berjaya membantu para belia dalam mengenalpasti bakat, hobi dan minat mereka dalam pelbagai bidang.
- Selain itu, Pusat Belia menjadi satu tempat yang ideal buat para belia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat bagi meningkatkan pembangunan diri serta masyarakat setempat.
- “Satu program hebat untuk golongan muda untuk berjauhan dari telefon mereka, mengurangkan tekanan dan berkenalan dengan orang baru.” - Scarlette Leang Ming Siew

BELIA BERIRAMA (YOUTH WITH RHYTHM)

Belia Berirama (Youth With Rhythm) adalah satu platform yang memberi peluang dan pendedahan kepada pemuzik belia untuk mempamerkan bakat muzik mereka. Platform ini juga menyasarkan pemuzik belia yang sedang mencari peluang untuk membuat persembahan bagi menimba pengalaman dan meluaskan publisiti mereka.

Pendaftaran platform Youth with Rhythm dibuka kepada semua beia berbakat melalui laman web

https://pydc.com.my/youth-with-rhythm/ywr-registration/

OPEN MIC

- **Open Mic I Mydin Bukit Mertajam**
  14.01.2023 - 5 Belia
- **Open Mic I Perda Flea Market**
  15.01.2023 - 6 Belia
- **Open Mic I SENTRAL College**
  25.03.2023 - 1 Belia





PERTANDINGAN ORKESTRA CINA PULAU PINANG
03.03.2023

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan kerjasama Konsul Jeneral Republik Rakyat China di Pulau Pinang bersama-sama menganjurkan Pertandingan Orkestra Cina dengan tema " Irama Meriah Malaysia-China". Pertandingan ini menyasarkan penyertaan dari sekolah-sekolah menengah serta belia-belia secara umum di Pulau Pinang.





400

JUMLAH PENYERTAAN



BELIA BERIRAMA (YOUTH WITH RHYTHM)

LOVE PENANG YOUTH NIGHT CONCERT
03.06.2023

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang menganjurkan LovePENANG Youth Night Concert dan turut mendapat sokongan daripada kerajaan negeri. Konsert ini berjaya mengumpulkan bakat-bakat belia di Pulau Pinang untuk membuat persembahan muzikal dari pelbagai latar belakang dan budaya di satu pentas yang sama. Antara kumpulan yang membuat persembahan pada malam tersebut ialah Penang Youth Orchestra, Wak Long Performance Art, Temple of Fine Arts Penang, D'Vol Dance Theatre, Cik Yeo, Marcus dan ramai lagi.





109

JUMLAH PENGLIBATAN BAKAT MUZIK

MERDEKA TALENT SHOW
19.11.2023





Merdeka Talent Show merupakan satu pertandingan tahunan anjuran PYDC di bawah inisiatif Belia Berirama. Pertandingan ini memberi peluang kepada golongan belia di Pulau Pinang untuk mempersembahkan bakat-bakat mereka dan bersaing bagi merangkul trofi dan hadiah wang tunai serta sijil. Bakat-bakat yang dipersembahkan termasuk nyanyian, tarian, muzik, magic, wushu, dan pertunjukan-pertunjukan kreatif lain. Rata-rata peserta teruja dengan persiapan pentas dan gembira kerana terdapat platform untuk membuat persembahan. Peserta juga berharap supaya program ini terus dijalankan pada masa akan datang.

107

JUMLAH PENYERTAAN



BELIA BERIRAMA (YOUTH WITH RHYTHM)

YWR | YOUTH IN MUSIC

SENARAI PENGLIBATAN BAKAT BELIA

JUMLAH PENGLIBATAN BELIA BERIRAMA — 1,127

Belia berbakat yang menyertai platform Belia Berirama diberi peluang untuk mempersembahkan bakat mereka. Pelbagai Majlis atau jemputan persembahan diterima oleh Ahli Belia Berirama yang telah mendorong mereka untuk terus berjaya dalam bidang tersebut serta menjana pendapatan memalui bakat mereka.

NO	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH BAKAT BELIA
1	Open Mic 6.0	14 & 15.01.2023	11
2	Persembahan Penang Youth Orchestra Sempena Sambutan Chap Goh Mei Butterworth	4&5.01.2023	300
3	Persembahan YWR Sempena Pai Thee Kong	29.01.2023	7
4	Persembahan Sempena Program Riang Ria 'Gong Xi Fa Cai' Rumah Sejahtera Permatang Tinggi	4.02.2023	1
5	Persembahan Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Anjuran Bersama Pusat Khidmat Kadun Sungai Pinang	18.02.2023	2
6	Pertandingan Orkestra China Irama Meriah	3.03.2023	400
7	Persembahan Sempena HARIA! Mega Zumba	11.03.2023	4
8	Persembahan Sempena Northern Music Festival oleh Britney Poh	18.03.2023	1
9	Orchestra Gold Award	3.03.2023	26
10	Karnival Rahmadan	1.04.2023	2
11	Majlis Sambutan Aidilfitri Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023	02.05.2023	2
12	Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani Negeri Pulau Pinang bersama YAB Perdana Menteri	06.05.2023	2
13	LOVE PENANG RUN 2023	14.05.2023	5
14	Brothers X Dijemput untuk Perasmian Blank Canvas di kompleks Makanan Medan Renong	14.05.2023	2
15	Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Ahli Parlimen Tanjong	20.05.2023	3
16	LovePenang Youth Night Concert	03.06.2023	109
17	Persembahan Untuk Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-3 Penang Fc	09.06.2023	5
18	Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023	31.08.2023	67
19	Sambutan Hari Malaysia peringkat negeri pulau pinang	17.09.2023	2
20	Penang State Government Function in occasion of His Excellency's 74th Birthday Celebration of T.Y.T Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang 2023	17.10.2023	2
21	Merdeka Talent Show 2023	19.11.2023	2
22	Performance at the Kolej Vokasional Batu Lanchang Dinner	24.11.2023	1
23	Performance at the Penang Goes Orange	25.11.2023	4
24	Performance at the Majlis Rumah Terbuka Ahli Parlimen Tanjong	26.11.2023	4

BAKAT DRAMA PEMUDA (YOUTH IN DRAMA)

Bakat Drama Pemuda (Youth in Drama) merupakan satu inisiatif di bawah Belia Berirama yang berhasrat untuk mengumpulkan belia-belia yang berbakat dalam bidang seni pementasan di Pulau Pinang. Melalui inisiatif ini, satu komuniti untuk penggerak seni drama Pulau Pinang dapat ditubuhkan sekaligus menjadikan Pulau Pinang terkenal dengan kepelbagaian seni persembahan.





312

JUMLAH PESERTA





HASIL :

- Menyediakan platform untuk belia mengekplorasi diri dalam seni persembahan drama teater dan pada masa yang sama memberi ruang kepada belia untuk meluahkan ekspresi diri.
- Memberi pendedahan, memupuk minat dan mencungkil bakat belia dalam seni persembahan drama teater.
- Memberi peluang kepada belia dengan menonjolkan bakat mereka dan menghubungkan mereka dengan pengamal seni persembahan drama teater di dalam industri.
- "Sesuatu yang baharu bagi saya dan saya rasa terharu apabila karya yang dipentaskan mendapat sambutan dari penonoton yang hadir sewaktu persembahan akhir program ini" - Faizal (peserta Let's Play: Basic Youth Drama Course)

- **Holistic Drama Workshop**
  Setiap Hari Ahad bermulai Mei 2023 sehingga Jun 2023 - 9 Belia

- **Let's Play: Youth Drama Course**
  Setiap Hari Ahad bermula Mei 2023 Sehingga Julai 2023
  - **Jumlah Penyertaan untuk Kelas versi Bahasa Mandarin (Bagan Jermal) :** 21 Belia
  - **Jumlah Penyertaan untuk Kelas versi BM +BI (Uitm Permatang Pauh) :** 17 Belia
  - **Jumlah Penyertaan untuk Kelas versi Bahasa Mandarin (Balik Pulau) :** 15 Belia
  - **Jumlah Penyertaan untuk Kelas versi BM +BI (Balik Pulau) :** 12 Belia

- **Pementasan Teater "Senapas"**
  02-04.06.2023 - 4 Belia

- **Graduation Ceremony for the "Let's Play: Youth Basic Drama Course" (Bagan Jermal)**
  23.07.2023 - 39 Penonton

- **Graduation Ceremony for the "Let's Play: Youth Basic Drama Course" (Balik Pulau)**
  30.7.2023 - 27 Penonton

- **P. Ramlee: One In A Million - Tribute Show To A Legend**
  11 - 13.08.2023 - 18 Belia

- **National Level DIY Drama Competition**
  09.09.2023 - 120 Belia

- **Bengkel Asas Pengendalian Audio dan Penataan Cahaya 2023**
  28&29.10.2023 - 30 Belia

SUDUT PANDANGAN LENSA (INTO THE LENS)

Inisiatif "Sudut Pandangan Lensa" atau "Into The Lens: Short Film Competition" dianjurkan oleh PYDC dan merupakan salah satu program di bawah inisiatif kategori Seni dan Budaya PYDC.

Dalam inisiatif ini, belia-belia mempersembahkan kemahiran dalam bidang perfileman dan penerbitan video pendek yang memang mengagumkan. PYDC memberikan platform kepada golongan belia untuk mempersembahkan bakat dan kemahiran dalam bidang perfileman mereka menerusi pertandingan dan juga bengkel perfileman dan fotografi. Menerusi inisiatif ini juga, ia membuka peluang kepada golongan belia yang berbakat dalam bidang perfileman dan seterusnya menceburi industri perfileman.









- **Majlis anugerah bagi Into The Lens: Peraduan Video TikTok KEMPEN UNDI18**
  8.01.2023 - 24 Belia
- **Majlis Pelancaran Untuk Into The lens: Short Film Competition | Public Service Announcement: Depression Among Youth**
  24.03.2023
- **Into The Lens: Photography Videography Workshop**
  01,02&09.04.2023 - 27 Belia
- **ITL: PYDC x Nikon x KVBL Videography & Photography Workshop**
  14&15.06.2023 - 25 Belia
- **Into The Lens: Short Film Competition - "PSA: Depression Among Youth" Screening and Award Ceremony**
  15.07.2023 - 48 Pasukan (201 BELIA)
- **ITL: PYDC x Nikon x DISTED Videography & Photography Workshop**
  30.08.2023 - 27 Belia
- **ITL: PYDC x Nikon x SMK St Mark Videography & Photography Workshop**
  25&26.09.2023 - 30 Belia
- **ITL: PYDC x Nikon x KVBP Videography & Photography Workshop**
  30.10.2023 - 30 Belia

364

JUMLAH PESERTA

HASIL :

- Menyediakan platform untuk belia menonjolkan bakat selain memberi peluang kepada belia untuk mengetengahkan idea mereka melalui hasil seni fotografi dan filem pendek.
- Memberi pendedahan, memupuk minat dan mencungkil bakat belia dalam bidang seni fotografi dan perfileman.
- Memberi peluang kepada belia dengan menonjolkan bakat mereka dan menghubungkan mereka dengan industri perfileman.

KANVAS KOSONG (BLANK CANVAS)

PYDC MURAL ART BROKE A NEW MALAYSIAN BOOK OF RECORDS!!!



Selaras dengan visi Penang2030, PYDC telah melancarkan satu inisitiaf iaitu "Blank Canvas: Mural Art Series" atau Kanvas Kosong. Aktiviti melukis mural merupakan salah satu program khidmat masyarakat di bawah PYDC bagi memperkasa golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat melalui seni dan inovasi.

Dalam projek ini, PYDC bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk penggiat seni mural dan institusi pengajian tinggi atau NGOs bagi menjayakan projek mural bawah inisiatif ini. Pelbagai lokasi yang bersesuaian di Pulau Pinang telah dipilih bagi projek Kanvas Kosong ini di samping memberi platform kepada golongan belia untuk mengekspresikan daya kreatif mereka untuk masyarakat. Terdapat juga bengkel kesenian untuk golongan belia bawah inisiatif ini untuk menggalakkan kreativiti kesenian dalam golongan belia.

- **Penyerahan Potret untuk Projek "Icons Of Penang"**
  7&17.01.2023
- **Blank Canvas: Songkran Festival Mural Art**
  15.04.2023 - 36 Belia
- **Blank Canvas: Mother's Day Project with Gurney Paragon and Ming Art Gallery**
  13.05.2023 - 13 Belia
- **Majlis Pelancaran Blank Canvas: Mural Art at Padang Kota di Kompleks Makanan Renong, Padang Kota Lama**
  14.05.2023 - 36 Belia
- **Blank Canvas: Mural Art in Taman Rimba WoodHAVEN**
  26.06.2023 - 170 Belia
- **Blank Canvas: Shaanxi Huxian Farmer Painting Journey - Penang World Heritage Mural Creation Themed Harvest**
  09.07.2023 - 14 Belia
- **Penyerahan Sijil Penghargaan Blank Canvas: Mural Art in Taman Rimba WoodHAVEN kepada SOTA USM**
  12.07.2023
- **Pusat Belia x Blank Canvas: Acrylic Painting Workshop**
  23.09.2023 - 30 Belia





299

JUMLAH PESERTA

HASIL :

- Menyediakan platform untuk memupuk minat, mengasah bakat belia dalam seni halus/lukisan.
- Memberi peluang kepada belia berkhidmat dalam aktiviti komuniti disamping menceriakan kawasan setempat.
- Memupuk nilai kebersamaan dan bekerja dalam kumpulan melalui program kesukarelawan.

SENI BERGERAK (ART IN MOTION)





194

JUMLAH PESERTA



Seni Bergerak “Art In Motion" merupakan sebuah inisiatif bengkel kesenian oleh PYDC untuk golongan belia.

Dalam siri bengkel kesenian ini, PYDC memperkenalkan seni-seni tradisional atau moden untuk didedahkan dan diaplikasikan oleh para belia. Menerusi inisiatif ini, golongan belia dapat menghargai budaya tempatan dan menjadi penggiat kepada kesenian tersebut untuk masa hadapan.

- **Art In Motion: Menganyam Ketupat Sempena Sambutan Miao Hui Butterworth**
  4&5.02.2023 - 63 Belia

- **Art In Motion: Melukis Kolam Sempena Sambutan Miao Hui Butterworth**
  4&5.02. 2023 - 51 Belia

- **Art In Motion: Menganyam Ketupat dan Melukis Kolam Sempena KArnival Ramadan Sungai Pinang**
  01.04.2023 - 80 Belia



HASIL :

- Memberi pendedahan dan memperkenalkan kepada belia berkenaan seni kraf tradisional.
- Memupuk minat dan mengasah kemahiran belia dalam pembuatan kraf tradisional.
- Membantu memelihara khazanah seni tradisional etnik-etnik di Pulau Pinang dan Malaysia secara keseluruhan.

E-SUKAN (E-SPORTS)

Sukan elektronik (e-sukan) ialah sejenis bentuk pertandingan dengan permainan video untuk mengasah fikiran kritis, kemahiran serta kecergasan pemain-pemain. Acara e-sukan dianjurkan dalam pelbagai bentuk termasuk pertandingan permainan video multipemain, secara individu atau pasukan.

- **Batu Maung Esports Fifa 23 Competition**
  19.02.2023 - 64 Belia
- **Kejohanan E-Sports Anak Muda Pulau Pinang**
  19.03.2023 - 161 Belia
- **PYDC x ESPP Jelajah Dunia Esports Kuala Lumpur**
  29&30.04.2023 - 37 Belia
- **SEGi Game On Expo 2023**
  29&30.04.2023 - 525 Belia
- **MLBB Tournament ADUN Batu Uban 2023**
  04.06.2023 - 131 Belia
- **MLBB Youth E-Sport Tournament**
  17.06.2023 - 92 Belia
- **Bagan Jermal E-Sport Challenge**
  18.06.2023 - 150 Belia
- **Kejohanan PUBG Bayan Lepas**
  24.06.2023 - 86 Belia
- **Karnival Esports USM**
  08.07.2023 - 124 Belia
- **Program E-Sports Seberang Jaya**
  08.07.2023 - 142 Belia
- **Cabaran E-Sports Belia**
  15.07.2023 - 190 Belia
- **Malaysia Day PUBG Challenge**
  17.09.2023 - 52 Belia
- **Pauh Grand Championship 2023**
  26.11.2023 - 146 Belia

1,900

JUMLAH PESERTA

MAKLUMBALAS PESERTA

- Membuka ruang dan peluang untuk belia terutamanya peminat permainan e-sukan ini untuk bertanding secara sihat dalam program-program ini
- Menghargai usaha kerajaan negeri dalam usaha mewujudkan program melibatkan belia khususnya dalam bidang e-sukan
- Menarik minat belia untuk menyertai program-program anjuran kerajaan negeri
- Mewujudkan persaingan sihat dan meningkatkan kemahiran bermain permainan e-sukan seterusnya membuka peluang untuk bertanding di peringkat yang lebih tinggi.



"BEST! ANAK PENANG"
SKIM INSENTIF KECEMERLANGAN BAKAT MUDA PULAU PINANG (SIKBMPP)

77

BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA

385

BILANGAN PENERIMA



Best! Anak Penang SIKBMPP merupakan galakan positif daripada Kerajaan Negeri untuk memberi dorongan dan penghargaan kepada golongan belia di Pulau Pinang yang berjaya dalam mengharumkan nama baik Negeri Pulau Pinang dengan memenangi kejohanan berbentuk akademik atau kokurikulum di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Dua sesi Majlis Penyampaian Best! Anak Penang SIKBMPP telah diadakan sepanjang tahun 2023 yang merangkumi 104 orang belia daripada 25 permohonan berjaya pada Sesi Pertama 2023 (25 Jun 2023) dan 281 orang belia daripada 52 permohonan berjaya pada Sesi Kedua 2023 (14 Disember 2023).

SESI 1
25.06.2023

RM 36,583.34

JUMLAH INSENTIF

104

BILANGAN PENERIMA

25

BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA

SESI
14.12.2023

RM 83,535.00

JUMLAH INSENTIF

281

BILANGAN PENERIMA

52

BILANGAN PERMOHONAN BERJAYA

MAKLUMBALAS PENERIMA

- "Saya amat bersyukur kerana dapat menjadi salah satu penerima Best! Anak Penang dan amat bangga dapat mengharumkan nama negeri Pulau Pinang kita. Sokongan ini merupakan dorongan saya untuk terus menyertai pertandingan lain dan menceburi diri dalam pertandingan yang berbagai-bagai. Sudah terang lagi bersuluh program ini harus dititikberatkan dan disertai oleh golongan remaja lain-lain kerana manfaatnya ialah bukti yang tidak dapat dinafikan." - Tan Le Yu (penerima kategori individu Sesi Pertama 2023)

- "This recognition and reward made my debaters so happy and appreciated. I'm truly grateful for the opportunity and recognition given to my debaters." - Pn Karbagam (guru pengiring penerima kategori pasukan Sesi Kedua 2023)











JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan penubuhkan satu jawatankuasa baru iaitu Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) di setiap KADUN semasa Mesyuarat Majlis Kerajaan pada 2 Mac 2022.

JBPP akan bertindak sebagai pelapis dalam barisan pemimpin masyarakat di Pulau Pinang serta membangunkan belia secara holistik demi mencapai potensi penuh mereka selari dengan hala tuju PYDC serta Visi Penang2030.

127


JUMLAH PROGRAM

26,571

JUMLAH PENYERTAAN


PROGRAM JBPP BAGI TAHUN 2023

Y = Bilangan Program , X = KADUN



JUMLAH PENYERTAAN BAGI SETIAP KADUN 2023

Y = Bilangan Program , X = KADUN



KESIMPULAN

PENCAPAIAN MENJELANG PENANG2030

PENANG 2030: NEGERI PINTAR DAN HIJAU BERTERASKAN KELUARGA INSPIRASI NEGARA

C → **C2**

TEMA
MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN MASYARAKAT

INISIATIF STRATEGIK
MENINGKATKAN PENYERTAAN BELIA, WANITA DAN WARGA EMAS DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT

INISIATIF UTAMA	PENETAPAN SASARAN BARU	STATUS TERKINI
Menyemai program sukarelawan dalam masyarakat	20,000 sukarelawan belia, wanita dan warga emas menjelang 2030	Sukarelawan Belia (sejak Mac 2020) **6,456**
Mengadakan program syarikat-syarikat pemula dan keusahawanan untuk belia, wanita dan penduduk yang rentan	40% penyertaan wanita dan belia dalam bidang keusahawanan	Program Usahawan Belia (Sejak Nov 2020) **872**
Melaksanakan program kepimpinan dan pemerkasaan	Melatih dan membina kapasiti 2,000 pemimpin belia dan penglibatan belia keseluruhan setiap tahun	Program Kepimpinan Belia (2022) **2090**

JUMLAH BELIA TERLIBAT SECARA KESELURUHAN

Sehingga 46,023 belia terlibat

Laporan disediakan oleh:
Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang
1-02-01, Jalan Ahmad Nor
Pusat Dagangan Nova
11600 Jelutong
Pulau Pinang
Tel: 012-4080186
Laman web: www.pydc.com.my